



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengaroh),03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKMM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. kami : JKNS/KA/V/600-5/2/1 (27)
Tarikh : 12 April 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. **CFR tahun 2022 yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.04%.**

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor **Bil 5/2023 telah diadakan pada 3 April 2023.** Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan fasiliti kesihatan di Negeri Selangor:

3.1 Carta Rawatan Demam Denggi (Dengue Observation Chart) perlu digunakan di semua peringkat dan jabatan di hospital

Semua pesakit yang dirawat sebagai Demam Denggi hendaklah dipantau menggunakan Carta Rawatan Denggi (Dengue Observation Chart) bagi memastikan kes mendapat rawatan yang tepat dan sewajarnya.

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengaroh Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestesiologi Negeri

3.2 Saringan (triage) di fasiliti kesihatan perlu diperkukuhkan

Semua fasiliti kesihatan terutama di jabatan kecemasan yang mempunyai proses saringan pesakit, perlu mengukuhkan sistem saringan supaya tidak berlaku kecuai dan dapat mengenalpasti tanda-tanda kecemasan dan kritikal dengan lebih baik. Latihan perlu diberikan dari masa ke semasa kepada anggota di barisan hadapan agar saringan boleh dilakukan dengan cekap.

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. NO. QMS 01508

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023**

Tindakan: Bahagian Perubatan Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Penyelia PPP Negeri
Ketua Penyelia Kejururawatan Negeri

3.3 Rujukan pesakit Demam Denggi ke hospital dengan ambulan atau pemberitahuan awal kepada fasiliti yang dirujuk

Fasiliti kesihatan primer (primary care) kerajaan dan swasta perlu merujuk kes Demam Denggi yang kritikal dengan menggunakan perkhidmatan ambulan. Jika pesakit atau keluarga pesakit menolak atas sebab-sebab tertentu yang munasabah, doktor yang merawat perlu memberitahu fasiliti yang dirujuk (seperti contoh, jabatan kecemasan) tentang rujukan kes namun pesakit atau keluarga perlu diberi penerangan tentang bahaya dan komplikasi terlebih dahulu bagi memastikan pesakit terus ke fasiliti dengan kadar segera.

Tindakan: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah
Ketua Pakar Perubatan Keluarga Negeri

3.4 Memastikan kes Demam Denggi yang dirujuk tiba di fasiliti dengan segera

Kes yang dirujuk ke hospital terutama pesakit yang menolak perkhidmatan ambulan atau ingin pergi sendiri, perlu dihubungi oleh Pengamal Perubatan yang merujuk dari masa ke semasa untuk memastikan pesakit tiba di fasiliti dengan segera.

Tindakan: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah
Ketua Pakar Perubatan Keluarga Negeri

3.5 Latihan pengurusan dan rawatan kes Demam Denggi

Semua Pengamal Perubatan kerajaan dan swasta perlu menjalani latihan pengurusan dan rawatan kes Demam Denggi terutama bagi yang telah lama tidak mengikuti *Continuous Medical Education (CME) Denggi* atau *Dengue Clinical Practice Guideline (CPG) Training*. Pengamal Perubatan seharusnya berupaya mengenalpasti tanda amaran (warning signs), perdarahan (occult bleed leak), radang jantung, atau lain-lain sebaiknya. Seterusnya mampu membuat diagnosis atau *impression* bagi kes iaitu seharusnya selari dengan status klinikal semasa kes supaya rawatan dapat diberikan dengan tepat serta sesuai dengan diagnosis.

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023**

Tindakan: Bahagian Perubatan Negeri
Bahagian Kesihatan Awam, Negeri
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah
Ketua Pakar Perubatan Keluarga Negeri

3.6 Kemudahan merujuk kes Demam Denggi kritikal ke Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa melalui Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit (ID Physician)

Pakar Perubatan seharusnya boleh merujuk kes yang kritikal ke ICU secara langsung atau menaiktaraf (uptriage) wad pesakit tanpa melalui *ID Physician* jika sekiranya mengenalpasti status pesakit yang tidak menunjukkan tanda membaik atau keadaan sukar dalam rawatan (seperti contoh, *persistent tachycardia*, *suspect bleeding*, dan lain-lain).

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri

3.7 Transfusi darah kes Demam Denggi yang kritikal

Sekiranya pesakit dalam keadaan *decompensated* kerana perdarahan, transfusi darah perlu dipertimbangkan dan dijalankan segera dengan boleh menggunakan darah jenis 'Safe O' sementara melakukan *group cross match* (GXM).

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri Selangor
Ketua Perkhidmatan Kecemasan Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan Negeri
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi Negeri
Ketua Perkhidmatan Haematologi Negeri

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023**


4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah


(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Unit
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Unit
Unit Kesihatan Primer

Ketua Cawangan
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

Ketua Perkhidmatan
Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Kecemasan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Anaestesiologi Negeri Selangor

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023**

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 5/2023**

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur